

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 FEBRUARI 2016 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bukan sakit jantung	Utusan Malaysia
2.	Tiada kesan suntikan jarum pada mayat Jong-nam	Berita Harian
3.	Kematian Jong-nam masih misteri	KOSMO
4.	Tunggu analisis Jabatan Kimia	Sinar Harian
5.	Jong-nam: Full post-mortem report pending analysis by Chemistry Dept – Health DG	BERNAMA
6.	Family requests for privacy	New Straits Times
7.	Perubahan iklim punca taburan hujan ekstrem	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 22 FEBRUARI 2017 (RABU)



DR. NOOR HISHAM ABDULLAH ketika sidang akhbar mengenai keputusan bedah siasat mayat Kim Jong-nam yang turut disertai Dr. Zaininah Mohd. Zain (kiri) dan Dr. Mohd. Shah Mahmud di Hospital Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Penjelasan punca kematian Kim Jong-nam

Bukan sakit jantung

Oleh NAZWIN NAZRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 FEB.

KEMENTERIAN Kesihatan menafikan dakwaan bahawa Kim Jong-nam iaitu abang Presiden Korea Utara, Kim Jong-un mati akibat serangan jantung.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, buat masa ini, pihaknya sedang menunggu keputusan analisis makmal bagi mengetahui punca sebenar kematian mangsa.

Kata beliau, berdasarkan pemeriksaan awal, pihaknya tidak menemukan apa-apa kesan kecederaan dan suntikan atau jarum pada tubuh mangsa.

"Kita sedang menunggu laporan daripada Jabatan Kimia berhubung spesimen medikolegal yang diserahkan bagi mengesahkan

kan identiti mangsa dan punca kematian. Mayat telah menjalani pemeriksaan bedah siasat yang lengkap termasuk ujian Komputer Tomografi, bedah siasat luaran dan dalaman serta pemeriksaan perigigan," katanya dalam sidang akhbar di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah HKL, Datuk Dr. Zaininah Mohd. Zain; Ketua Jabatan Institut Perubatan Forensik Negara, Dr. Mohd. Shah Mahmud dan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohd. Sukri Kaman.

Semalam, beberapa media asing melaporkan polis negara ini mengeksplor kematian Jong-nam disebabkan serangan jantung.

Menurut Noor Hisham, pihaknya sedang menunggu sampel asid deoksiribonukleik (DNA) daripada waris dan laporan kesihatan mangsa untuk melakukan pengesahan identiti manakala analisis tersebut telah



Kita sedang menunggu laporan daripada Jabatan Kimia berhubung spesimen medikolegal yang diserahkan bagi mengesahkan identiti mangsa dan punca kematian."

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan

dilakukan ke atas mangsa.

Dalam pada itu, beliau menyatakan, laporan analisis racun masih belum dikeluarkan dan pihaknya tidak akan melakukan bedah siasat kedua ke atas mangsa.

Tambahnya, Institut Perubatan Forensik Negara, HKL telah menerima mayat warga Korea Utara pada pukul 10 pagi, 15 Februari lalu dan pemeriksaan selepas pada pukul 6.45 petang hari sama.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PEMBUNUHAN) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 22 FEBRUARI 2017 (RABU)

PEMBUNUHAN ABANG PEMIMPIN KOREA UTARA

Tiada kesan suntikan jarum pada mayat Jong-nam

• Pakar tidak temui bukti mangsa meninggal akibat serangan jantung

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Safeek Affandy Razali dan Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bedah siasat ke atas mayat abang pemimpin tertinggi Korea Utara, Kim Jong-nam yang mati dibunuh, minggu lalu, tidak menemui sebarang kesan suntikan jarum atau kecederaan pada tubuhnya.

Perkara itu disahkan Ketua Penggaris Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah selepas bedah siasat dilakukan pakar patologi di Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 15 Februari lalu.

Beliau berkata, hasil bedah siasat yang dijalankan itu juga tidak menemui bukti bahawa mangsa meninggal dunia akibat serangan

jantung seperti didakwa pihak kedutaan Korea Utara di Malaysia.

"HKL menerima mayat (Jong-nam) pada jam 10 pagi 15 Februari lalu dan proses bedah siasat bermula pada jam 12.45 tengah hari serta selesai pada jam 6.45 petang hari sama. Ia dibuat mengikut Seksyen 331 Kanun Acara Jenayah dengan dihadiri pegawai penyiasat polis.

Tunggu laporan Jabatan Kimia

"Menerusi bedah siasat itu, kita memperoleh sampel cap jari, darah, maklumat forensik pergiilan dan pelbagai spesimen lain, termasuk melakukan ujian tomografi berkomputer (ujian imbasan) ke atas mayat bagi mengesahkan identitinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media berhubung kes kematian Jong-nam di Auditorium



Noor Hisham pada sidang media kes pembunuhan abang pemimpin Korea Utara di Kuala Lumpur, semalam.

HKL, di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Jabatan IPFN, Dr Mohd Shah Mahmud.

Noor Hisham berkata, punca sebenar kematian Jong-nam masih belum diketahui dan pihaknya sedang menunggu laporan Jabatan Kimia yang diajukan diperoleh dalam masa terdekat dan akan diserahkan kepada polis untuk siasatan lanjut.

Dalam sidang media itu, beliau turut menafikan pihaknya melukai bedah siasat kedua seperti yang dilaporkan media antarabangsa.

"Kita sudah menyerahkan spesimen medikal (perundangan perubatan) kepada pegawai penyiasat polis dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Pengendalian mayat dilakukan dengan penuh rasa hormat mengikut peruntukan undang-undang bagi menjaga rantaian bukti," katanya.

Noor Hisham juga mengesahkan sehingga kini belum ada waris atau ahli keluarga mangsa yang hadir untuk menyerahkan sampel asid deoksiribonukleik (DNA) bagi tujuan pengesahan dan pengecaman mayat.

Perlukan sampel DNA

"Kita memerlukan sampel DNA daripada waris bagi mendapatkan padanan saintifik sekali gus menegaskan hubungan mangsa dan ahli keluarga sebelum mayat boleh dituntut," katanya.

Jong-nam dilaporkan meninggal dunia selepas diserang dua wanita di aras pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 13 Februari lalu. Setakat ini, empat suspek, termasuk dua wanita sudah ditahan bagi membantu siasatan berhubung kematiannya.

Dalam perkembangan berkai-

tan, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata pihaknya tidak akan menghantar pegawainya ke luar negara bagi mendapatkan sampel DNA daripada anak Jong-nam, Kim Han-sol, 21, atau ibunya.

Han-sol yang kini bersama ibunya di Macau dipercayai turut merentasi ancaman bunuh.

Pengesahan Khalid itu sekali gus menafikan dakwaan media asing kononnya Han-sol, tiba di klia2 malam kelmarin.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Seri Abdul Samad Mat, mengesahkan bahawa pihaknya tidak menerima sebarang laporan yang mendakwa keluarga suspek warga Korea, Ri Jong Chol, yang ditahan, Jumaat lalu, diangut atau dicederakan.

Dakwaan itu dibuat Duta Besar Korea Utara ke Malaysia, Kang Chol, di sini, kelmarin.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 22 FEBRUARI 2017 (RABU)

KKM tolak kematian pemimpin buangan di KLIA2 akibat serangan jantung

Kematian Jong-nam masih misteri

Oleh AZHAR AHMAD

KUALA LUMPUR — Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menunggu laporan penuh mengenai hasil bedah siasat mayat pemimpin dalam buangan Korea Utara, Kim Jong-nam yang dibunuh di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di Sepang pada 13 Februari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga semalam punca kematian abang tiri kepada pemimpin tertinggi Korea Utara itu Kim Jong-un belum dikenal pasti.

"Kami menunggu laporan penuh mengenai bedah siasat mayat Jong-nam yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Kimia yang akan menyiapkan analisis



JONG-NAM



NOOR HISHAM



KERATAN Kosmo! 15 Februari 2017.

forensiknya," kata beliau pada sidang akbar di Hospital Kuala Lumpur di sini semalam.

Menurut beliau, hasil bedah siasat itu akan membantu menentukan punca kematian dan identiti sebenar Jong-nam

yang terus menimbulkan teka-teki.

Bagaimanapun, tiada tempoh khusus ditetapkan buat Jabatan Kimia menyiapkan analisis tersebut.

Mengulas lanjut, jelas beliau, mayat Jong-nam menjalani bedah siasat penuh

dengan menggunakan kaedah tomografi serta pemeriksaan luaran dan dalaman secara berkputeri di samping pemeriksaan gigi forensik.

"Semuanya dilakukan secara profesional di premis sama dan mematuhi standard antarabangsa," kata beliau.

Bagaimanapun, ujarnya, hasil bedah siasat tidak menemui kesan jarum atau suntikan pada badan mangsa malah pihaknya juga menolak kematian mangsa disebabkan serangan jantung.

Jong-nam yang memasuki Malaysia dari Macau pada 6 Februari lalu mati selepas dia diserang dua wanita ketika berada di KLIA2 untuk berlepas pulang ke Macau pada 13 Februari lalu.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (KES BUNUH KIM JONG NAM) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 22 FEBRUARI 2017 (RABU)**

Tunggu analisis Jabatan Kimia

KUALA LUMPUR - Laporan penuh bedah siasat mayat Kim Jong-nam, abang pemimpin Korea Utara, akan dikeluarkan selepas **Jabatan Kimia** menyiapkan analisis forensiknya.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hasil bedah siasat itu akan membantu menentukan punca kematian dan identiti sebenar si mati.

Bercakap pada sidang media semalam, beliau berkata, tiada tempoh khusus ditetapkan analisis itu perlu disiapkan.

Menurut Dr Noor Hisham, setakat ini, spesimen hanya diambil daripada tubuh si mati, yang meninggal dunia dalam keadaan misteri dan tiada spesimen diambil daripada waris.

"Setakat ini, belum ada sesiapa yang mendakwa sebagai warisnya dan kami masih menunggu mereka," katanya.

Ditanya sama ada Jong-nam menunjukkan sebarang tanda serangan jantung sebelum kematianya, Dr Noor Hisham berkata, tidak terdapat keterangan tentang perkara itu.

Beliau berkata, bedah siasat mendapati tubuh si mati tidak mempunyai kesan cucuk yang ketara.

Beliau juga menolak khabar angin bahawa bedah siasat kali kedua telah dilakukan terhadap mayat si mati seperti yang dilaporkan media asing.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 22 FEBRUARI 2017 (RABU)



Jong-nam: Full Post-Mortem Report Pending Analysis By Chemistry Dept - Health DG

KUALA LUMPUR, Feb 21 (Bernama) -- The full report on the post-mortem conducted on the remains of Kim Jong-nam will be available after completion of the **Chemistry Department's** forensic analysis, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the result would help determine the cause of death as well as the definitive identity of the deceased. Jong-nam was the older half-brother of North Korean leader Kim Jong-un.

Speaking at a packed press conference here today, Dr Noor Hisham said no specific deadline was given for the analysis to be completed.

He said specimens from the deceased, who died under mysterious circumstances, had been collected for analysis but none from the next-of-kin.

"At the moment, we do not have anyone claiming to be the next-of-kin; we are still waiting for them," he said.

It was reported that Jong-nam was at the KL International Airport 2 (klia2) Feb 13 to board a flight to Macau when a woman suddenly covered his face with a cloth laced with what is believed to be poison.

He was rushed to Putrajaya Hospital but died on the way. He had come to Malaysia on Feb 6 and carried a passport with the name of Kim Chol.

Asked whether Jong-nam had shown symptoms of a heart attack prior to his death, Dr Noor Hisham said there was no such evidence.

He also said that the post-mortem indicated no obvious puncture marks on the body.

Dr Noor Hisham also quashed rumours that a second post-mortem had been performed on the body, as reported by foreign media.

Dr Noor Hisham said the body had undergone a full post-mortem using computed tomography, external and internal examination as well as forensic dental examination.

"Everything was conducted professionally at the same premises and in compliance with international standards," he said, adding that the body had been handled in a respectful manner with medicolegal specimens having been taken in accordance with the provisions of the law to maintain the chain of custody.

On the course of action to be taken if the next-of-kin do not turn up to identify and claim the body, Dr Noor Hisham said the forensic team would then look into the deceased's medical records.

"(For example) dental records, if we have that we can match and we can also perform external examinations to find out whether he had had previous (surgery) operations, scars or mole," he said, adding that access to those records were not yet available at the moment.

Asked whether there were indications of poison in the body, Dr Noor Hisham said this depended on the result of the Chemistry Department's analysis.

-- BERNAMA

FAMILY REQUESTS FOR PRIVACY

Woman driver still in shock, cops probing all angles, says police chief

AHMAD FAIRUZ OTHMAN
JOHOR BARU
news.nst.com.my

THE family of the 22-year-old woman, who drove a car that ploughed into a group of young cyclists and killing eight of them on Saturday, has requested for privacy.

The woman is recovering from shock even though the crash oc-

curred four days ago.

Johor Baru Selatan district police chief Assistant Commissioner Sulaiman Salleh said since the woman was released on police bail a day after the horrific crash, her family requested that she be kept away from the public.

"Her family requested for help from police because they do not want her to be disturbed and she is still in shock. We have assured them of privacy."

"We cannot reveal her identity or her whereabouts, unless she decides to face the public," Sulaiman told the *New Straits Times* yesterday.

Eight teenagers were killed and another eight injured when the Nissan Almera driven by the woman ploughed into a group of 30 to 40

cyclists at the Inner Ring Road here at 3am on Saturday.

She was detained for questioning under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987 for reckless driving leading to death, and was released on police bail on Sunday.

Police dismissed claims that she was intoxicated or was using a handphone while she was behind the wheel.

"The investigation covers all angles and we cannot be certain if the woman is in the wrong. The public should stop speculating."

"Accidents happen because of negligence and carelessness."

Sulaiman said the scope of police investigations not only covered the driver, but also possible negligence on the part of the victims' parents

and whether the cyclists, who were between 13 and 17, had adhered to traffic rules.

"I blame neither the cyclists nor their parents.

"But as guardians, they should have monitored their children's whereabouts."

"Such cases could lead to an offence under Section 33 of the Child Act 2001 for allowing children to be without proper supervision."

Another aspect was the fact that the bicycles were modified and did not follow permitted specifications.

He said police were looking into whether the cyclists had adhered to regulations in Part 3 of the Highway Code, which outlines safety guidelines for cyclists on public roads.

Sulaiman said whether speeding

was a factor in the crash had yet to be determined.

He said despite a 50kph speed limit signboard near the accident site, which is a hilly stretch near an exit and entry road of the highway, it was questionable whether motorists adhered to the speed limit.

Sulaiman said agencies such as the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) and Public Works Department were cooperating with police to determine whether there were sufficient lighting at the accident site.

"The safety aspects of the vehicles involved are being checked by the Computerised Vehicle Inspection Centre, Road Transport Department and Chemistry Department," he said.

Perubahan iklim punca taburan hujan ekstrem

Oleh NORSHAZLINA NORAZMAN

Meskipun memasuki bulan Februari, hujan lebat yang menyebabkan banjir di beberapa bahagian negara masih belum lagi menunjukkan tanda-tanda untuk reda, malah penduduk yang terjejas masih lagi terkandas di pusat pemindahan sementara.

Bencana banjir yang kali ini dianggap *abnormal* kerana berlalut dan menyaksikan musim tengkujuh lebih panjang daripada biasa adalah berpunca daripada perubahan iklim dan taburan hujan yang ekstrem akibat kelembapan atmosfera yang tinggi, kata pakar-pakar klimatologi.

Menurut Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Universiti Malaya, Prof. Datuk

Dr. Azizan Abu Samah, lebihan hujan yang terhasil adalah kesan daripada fenomena La Nina yang menyaksikan negara menjadi kawasan tumpuan kelembapan.

Dr. Azizan, yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Malaysia berkata, kadar pemanasan di Artik yang lebih daripada kawasan lain menyebabkan vorteks polar yang

mengasingkan udara sejuk Artik dari kawasan latitud sederhana menjadi lebih lemah.

"Justeru, udara sejuk dari Artik akan menerobos ke kawasan latitud sederhana dan mengukuh tekanan tinggi di Eropah dan Siberia. Pengukuhan tekanan tinggi khasnya tekanan tinggi Siberia semasa musim sejuk tahun 2016 dibantu oleh keadaan La Nina lemah telah menyebabkan kejadian serbuan udara sejuk dari Siberia menjadi lebih kerap dan lebih kencang," katanya.

Apabila serbuan udara ini melalui Laut China Selatan, ia akan mengutip wap air daripada sejatan dan wap air ini akan menjadi hujan di kawasan daratan Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand.

"Sebaliknya, angin yang sama yang melalui Korea dan utara Thailand pula membawa cuaca sejuk dan kering kerana melalui kawasan benua.

Itu hanya menjadi lembab bila melalui kawasan laut," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun banjir yang berlaku kali ini tidak seteruk banjir berskala besar pada 2014 kerana keadaan Monsun Timur Laut adalah pada pengakhir, apabila dijangka bila bulan Mac tekanan tinggi di Siberia akan mulai menjadinya lemah.

DR. AZIZAN
ABU SAMAH

"Selalunya masa-masa sekarang patutnya hujan sudah berkurangan, kali ini sedikit bukan kebiasaan. Namun kalau empat hari masih ada masa untuk surut dan kalau betul-betul lebat pun adalah pada Disember, mungkin pada Mac nanti akan reda terus," katanya.

Tambahnya, penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir telah terbiasa dengan bah yang melanda dan menyebabkan mereka sudah bersiap-sedia untuk berhadapan dengan bencana tahunan itu.

"Mereka terutama penduduk di Kelantan yang adalah negeri yang berisiko tinggi sudah ada budaya menyusuaikan diri dan tahu bagaimana hendak bertindak apabila banjir kecuali banjir yang teruk seperti pada 2014."

"Jadi apabila berlakunya banjir teruk, itu yang mereka tidak biasa dan timbul pelbagai masalah serta impak serius, sebab itu adalah penting bagi mereka yang tinggal berdekatan sungai dan pantai untuk sentiasa berjaga-jaga," katanya.

Beliau berkata, kesedaran kesihatan juga semakin meningkat berbanding 20 tahun lepas. Pada masa sekarang tiada lagi kes penyakit akibat pembawaan air banjir seperti taun dan cirit-bitir dilaporkan,



DR. KU HALIM
KU HAMID



Dalam pada itu, Ketua Pusat Penyelidikan Alam Sekitar Universiti Teknologi Mara (UITM), Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid berkata, tidak mustahil perubahan iklim akan menyebabkan banjir buruk termasuklah banjir kilat berulang lagi dengan lebih kerap.

Katanya, hujan lebat meskipun hanya beberapa jam boleh menyebabkan kerainan dan limpahan air sungai dan mengakibatkan banjir kilat termasuklah di kawasan bandar.

"Tabun-tabun sebelum ini, pada waktu ini banjir sudah surut dan berlalu. Ini semua adalah kerana faktor perubahan taburan hujan dan musim alam yang tidak menentu yang menyaksikan musim hujan menginjak dari waktu yang selalu kita alami.

"Hujan yang tidak disangka boleh menjadikan persekitaran dan keselamatan penduduk, perlu diingatkan banjir ini walaupun sekejap tetapi boleh beri kesan yang amat teruk," katanya.

Maka katanya, semua pihak

JABATAN Meteorologi mempunyai data, ramalan dan pergerakan angin untuk dimanfaatkan dalam meramal cuaca. GAMBAR HIASAN

termasuk orang ramai terutama yang tinggal di kawasan berisiko tinggi ditenggeli dan berwaspada sepanjang masa untuk tujuan keselamatan diri dan keluarga.

Ku Halim berkata, seharusnya satu penyelidikan dan pembangunan (R&D) padu yang merangkumi segala aspek untuk jangka pendek dan panjang perlu diusahakan sebagai persediaan menghadapi banjir di seluruh negara.

Katanya, pengalaman berhadapan dengan banjir kilat saban tahun, seharusnya menjadi panduan kepada pihak berkuasa bagi mengenal pasti segala bentuk kekuatan serta kelemahan persiapan menghadapi bencana.

"Pihak yang memantau seperti Jabatan Meteorologi mempunyai data, ramalan dan pergerakan angin, mereka mempunyai langkah yang lengkap untuk memberi amaran awal, maka segala asset bantuan dapatlah digerakkan awal setiap kali berlakunya banjir," katanya. - BERNAMA